

ABDUL RAHIM KAJAI

- Dilahirkan di Setapak, Kuala Lumpur pada tahun 1894 dari sebuah keluarga yang berasal dari daerah Kajai, Minangkabau, Sumatera. Mendapat pendidikan di Sekolah Melayu Setapak dan kemudiannya ke Makkah untuk mempelajari agama Islam dan Bahasa Arab selama tiga tahun (1906-1909)
- Beliau mula menulis pada tahun 1917 dalam akhbar *Utusan Melayu* dan *Lembaga Melayu*.
- Menjadi Ketua Pengarang akhbar *Saudara*, *Majlis* dan kemudiannya *Warta Malaya*. Pada tahun 1939, beliau menjadi Ketua Pengarang akhbar *Utusan Melayu* sehingga tahun 1941.
- Semasa pendudukan Jepun, beliau diarahkan oleh Jepun menjadi pemimpin akhbar *Perubahan Baru* dan kemudiannya menjadi pengarang akhbar *Malai Shinbun Sya*.
- Abdul Rahim Kajai menghasilkan karya tentang kemasyarakatan, agama dan ekonomi . Beliau juga mengkritik sikap orang Melayu yang menghalang kemajuan dan tidak menyokong kemajuan bangsa sendiri. Contohnya, dalam memajukan pertanian, petani lebih gemar mempercayai perkara karut seperti jampi serapah daripada menggunakan nasihat pegawai pertanian ketika itu. Beliau juga mendesak British mengawal kemasukan buruh luar dan memberikan lebih peluang dan perlindungan untuk masyarakat Melayu, terutama dalam bidang perusahaan.
- Oleh sebab hasratnya untuk mengubah ekonomi masyarakat Melayu, maka beliau kemudiannya melibatkan diri dalam politik dengan menjadi anggota Kesatuan Melayu Singapura, ahli Persatuan Melayu Pahang dan penggerak penubuhan Persatuan Melayu Selangor.
- Abdul Rahim Kajai menghasilkan artikel dan cerpen yang dianggap pelopor awal bidang cerpen kerana mempunyai ciri-cirinya yang tersendiri.
- Beliau menjadi wartawan selama 13 tahun dengan berkhidmat dalam beberapa akhbar Melayu .Dalam bidang penulisan cerpen pula, tiga daripada kumpulan cerpennya, iaitu *Banyak Udang Banyak Garam*, *Lain Padang Lain Belalang* dan *Pusaka Kajai* menjadi saksi dan pusaka penting kepada kesusasteraan negara yang selayaknya meletakkan beliau sebagai Bapa Wartawan.

Sumber:

1. Md Salleh Md Gaus. "Abdul Rahim Kajai dengan Keunggulan Politik Melayu dan Kemajuan Politik Melayu" dlm. <http://journalarticle.ukm.my>. Dicapai pada 13 Julai 2019.
2. Abdul Latif Abu Bakar, 1984. "Abdul Rahim Kajai. Wartawan dan Sasterawan Melayu" dlm. https://www.pnm.gov.my/yangpertama/Tokoh_Bapawarta.htm Dicapai pada 13 Julai 2019.